




SEMINAR

PERKONGSIAN HASIL PENYELIDIKAN DAN POTENSI PERNIAGAAN

Tarikh: **17 - 18 Disember 2012**
Tempat: **Johor Bahru**

Anjuran:
Maktab Koperasi Malaysia
Petaling Jaya, Selangor



KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Latar Belakang Seminar Perkongsian Hasil Penyelidikan Dan Potensi Perniagaan 2012	iv
SESI PERTAMA (17 Disember 2012, 10.00 pagi - 12.30 tengahari)	
KERTAS KERJA 1:- Tajuk : Kajian Impak Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) ke Atas Koperasi. Pembentang : 1. En. Ahmad Faizal Ahmad Shaarani (Pegawai Latihan Pusat Perakaunan dan Kewangan) 2. En Hasrin Abu Hassan (Pegawai Latihan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovas).	1-27
KERTAS KERJA 2:- Tajuk : Kajian Pengwujudan Konsep Anggota Bersekutu Dalam Gerakan Koperasi di Malaysia Pembentang : 1. Pn. Najmah Bt Nawawi (Pengarah Pusat Konsultasi) 2. Cik Sharina Bt Abdullah (Pengarah MKM Bera)	28-36
SESI KEDUA (17 Disember 2012, 2.15 petang – 4.30 petang)	
KERTAS KERJA 3:- Tajuk : Potensi Perniagaan dan Kisah Kejayaan Dalam Industri Kambing Susu Pembentang : 1. Puan Zablina Bilmas (Pegawai Perkhidmatan Veterinar Segamat)	37-62
KERTAS KERJA 4:- Tajuk : Kisah Kejayaan Dalam Industri Kambing Susu Pembentang : Puan Hamidah Abdullah, Usahawan Kambing Susu, Tenang Agrotech Sdn Bhd	63-78

SESI KETIGA (17 Disember 2012, 8.30 malam – 10.00 malam)

KERTAS KERJA 5:-	79-95
Tajuk : Kajian Kemungkinan Mewujudkan Setiausaha Koperasi Berlesen	
Pembentang : 1. Pn. Aishah Ariffin	
Pengarah Pusat Perakaunan dan Kewangan	
2. Pn Rohalinda Ahad	
Pegawai Latihan	
Pusat Pentadbiran Perundangan & Kepemimpinan Koperasi	

SESI KEEMPAT (18 Disember 2012, 8.30 pagi – 9.30 pagi)

KERTAS KERJA 6:-	96-110
Tajuk : Kajian Kes : Perniagaan Homestay oleh Koperasi	
Pembentang : Dr. Hajah Jamilah Din	
Pengarah Pusat Keusahawanan Koperasi & Peruncitan	
KERTAS KERJA 7:-	111-133
Tajuk : Kisah Kejayaan Koperasi: Bamapcom, Filipina	
Pembentang : 1. Pn. Shamsiah Syamsudin	
Pegawai Latihan MKM Cawangan Sabah	
2. Pn. Azmaliza Arifin	
Pegawai Latihan Pusat Penyelidikan dan Inovasi	
KERTAS KERJA 8:-	134-166
Tajuk : Kisah Kejayaan Koperasi: Kodika, Terengganu	
Pembentang : Pn. Rosidah Rashid	
Pegawai Latihan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi	

SESI KELIMA (18 Disember 2012, 11.30 tengahari- 12.30 tengahari)

KERTAS KERJA 9:-	167-188
Tajuk : Kajian Analisis Jurang Kompetensi ALK Dalam 100 Buah Sekolah Grade A	
Pembentang : 1. Dr.Hjh Jamilah Binti Din	
Pengarah Pusat Keusahawanan Koperasi & Peruncitan	
2. Pn. Rosidah Binti Rashid	
Pegawai Latihan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi	

KERTAS KERJA 10:-

189-212

Tajuk : **Tanaman Cendawan Sebagai Sumber Pertanian**

Pembentang : En. Sanin Rejo

Pembantu Pertanian Kanan

Jabatan Pertanian Batu Pahat

LATAR BELAKANG SEMINAR PERKONGSIAN HASIL PENYELIDIKAN DAN POTENSI PERNIAGAAN 2012

Setiap tahun, Pegawai Latihan MKM telah menjalankan beberapa penyelidikan yang berkaitan dengan koperasi serta berpeluang mengikuti program sangkutan di koperasi luar dan dalam negara yang berjaya. Hal ini bukan sahaja akan memberi nilai tambah serta meningkatkan kualiti pengajaran, tetapi dapat juga dikongsi bersama dalam seminar ini untuk manfaat gerakan koperasi. Pada masa yang sama, seminar ini juga membawa perkongsian maklumat dan pengalaman koperasi, khususnya dalam bidang penternakan dan pertanian selaras dengan penekanan yang diberi terhadap sektor ini menerusi Dasar Koperasi Negara (DKN).

Objektif seminar ini adalah untuk perkongsian hasil penyelidikan dan kisah kejayaan koperasi dalam dan luar negara bagi memberi panduan amalan terbaik dan idea baru yang memanfaatkan gerakan koperasi. Ia juga untuk memberi pendedahan berkaitan potensi industri ternakan dan pertanian yang mampu menjana pendapatan kepada gerakan koperasi.

Seramai 333 orang telah menghadiri program seminar perkongsian hasil penyelidikan dan potensi perniagaan ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurus, tenaga kerja kanan koperasi dan Pegawai-pegawai dari agensi kerajaan yang menyelia koperasi khususnya di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan serta Pegawai-pegawai Latihan MKM.

Seramai 12 orang Pegawai Latihan MKM telah membentangkan kertas kerja berdasarkan perkongsian kisah kejayaan koperasi dan hasil penyelidikan serta 3 orang penceramah jemputan yang mempunyai pengalaman dalam bidang penternakan dan pertanian. Iaitu Pn. Zablin Bilmas (Pegawai Perkhidmatan Veterinar, Segamat), Pn. Hamidah Abdullah (usahawan susu kambing), En. Sanin Rejo (Pembantu pertanian kanan, jabatan pertanian).

Seminar perkongsian hasil penyelidikan dan potensi perniagaan ini telah diadakan di Hotel New York, Johor Bharu selama tiga hari bermula 17 hingga 18 Disember 2012. Hasil-hasil penyelidikan yang telah dibentangkan dalam seminar perkongsian ini dibukukan dalam bentuk “buku prosiding” sebagai rujukan tambahan kepada mana-mana individu atau organisasi yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut dan terperinci berkaitan penyelidikan yang telah dibentangkan.



SESI PERTAMA

KERTAS KERJA 1:-

Tajuk : Kajian Impak Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) ke Atas Koperasi.

Tarikh : 17 Disember 2012

Masa : 10.00 pagi – 12.30 tengahari

Pembentang : 1. En. Ahmad Faizal Ahmad Shaarani
(Pegawai Latihan Pusat Perakaunan dan Kewangan)
2. En Hasrin Abu Hassan
(Pegawai Latihan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovas).

RUMUSAN KAJIAN

Pembentang kertas kerja ini berkongsi mengenai kajian kesan ke atas pinjaman Tabung Modal Pusingan(TMP) yang diberikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia(SKM), kepada koperasi berdaftar bagi melaksanakan projek berdaya maju dan memberi manfaat kepada anggotanya sejak pelaksanaannya diwujudkan pada tahun 1978. Terdapat 5 jenis pinjaman TPM mengikut perutusan SKM yang dijalankan seperti Modal Pusingan, Pembangunan Hartanah, Pemilikan Harta, Perladangan/Ternakan/Pertanian, dan Kenderaan/Tentera. Peruntukan kewangan yang disediakan oleh kerajaan untuk program ini dari tahun 1978 – 2010 adalah berjumlah 3 billion Ringgit Malaysia.

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji sejauh mana kemudahan pinjaman yang diberikan oleh pihak SKM dapat memberi manfaat kepada anggota koperasi. Kajian ini juga bertujuan mengumpul maklumat status koperasi, membentuk profil koperasi peminjam, menganalisis elemen impak pinjaman ke atas koperasi, menghuraikan impak terhadap koperasi dan juga untuk penambahbaikan polisis pinjaman TMP. Kajian ini dibuat meliputi kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Hasil kajian mendapati 3 negeri yang tertinggi dalam mendapat bantuan TMP ialah Wilayah Persekutuan, Perak dan Selangor. Manakala negeri-negeri yang mencatat tunggakan pembayaran balik pinjaman tertinggi ialah Kelantan, Pahang dan pulau Pinang yang mencatat tunggakan lebih dari 12 bulan.

Aktiviti pertanian, kredit dan pengangkutan mencatat bilangan perutusan permohonan yang utama dalam pinjaman TPM. Bagi koperasi yang mendapat pembiayaan lain selain dari TMP adalah kebanyakan mendapat pinjaman dari bank komersil tempatan. Antara faktor-faktor utama koperasi ingin membuat pinjaman TMP ini berbanding dengan pembiayaan lain ialah kerana kadar faedah yang dikenakan ialah rendah, terdapat kemudahan penjadualan pembiayaan dan juga tempoh bayaran balik pinjaman lebih panjang. Tujuan utama pembiayaan TMP dibuat oleh koperasi adalah untuk tujuan modal pusingan perniagaan dan beli tanah/bangunan/kilang. Namun, sebanyak 53% tujuan pembiayaan selain TPM adalah berkaitan dengan pembelian aset.

Mengikut kajian, sumber maklumat utama yang diterima oleh koperasi mengenai pembiayaan TMP adalah melalui penerangan pegawai SKM. Manakala sumber maklumat yang lain adalah dari laman web SKM, risalah/majalah, pameran, anggota dan faktor-faktor lain. Antara faktor yang didapati penyebab kesulitan membuat bayaran dan penjadualan semula ialah hasil tidak mencukupi untuk membuat bayaran dan projek masih belum mendatangkan hasil dan aktiviti yang membuat penjadualan semula ialah aktiviti pertanian/pertanian iaitu 27.78% dan aktiviti kerja-kerja kontrak iaitu 22.22%. Kajian impak pinjaman ke atas koperasi yang dijalankan mendapati kebanyakan koperasi memperoleh peningkatan pendapatan setelah memperolehi Tabung Modal Pusingan bagi setiap aktiviti. Selain itu juga, keupayaan koperasi sebelum dan selepas memperolehi pinjaman TMP juga meningkat seperti jumlah anggota koperasi, jumlah modal syer, jumlah aset koperasi, jumlah peruntukan tabung kebajikan dan juga pemberian dividen atas modal syer. Berkenaan dengan polisi dan prosedur TMP, kebanyakan koperasi

bersetuju bahawa dengan adanya bimbingan dan khidmat nasihat SKM serta kaedah/cara pembayaran balik pinjaman yang mudah menyebabkan koperasi mudah meminjam TMP.

Kesimpulannya yang dikongsi oleh para pembentang ialah:

1. TMP telah berjaya memberi impak peningkatan kepada koperasi dalam beberapa aspek.
2. Keupayaan koperasi dalam meningkatkan jumlah modal syer koperasi dan pemilikan aset yang semakin besar.
3. Peningkatan dalam pemberian dividen
4. Peningkatan peruntukan bagi tabung-tabung kebajikan
5. Tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi koperasi-koperasi yang menggunakan TMP bagi tujuan pertanian.
6. Terdapat kolerasi diantara pinjaman TMP dan impak kepada sosial tetapi ia agak sederhana
7. SKM banyak membantu dalam memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka berkenaan dengan TMP ini.
8. Kaedah pembayaran balik yang disediakan oleh pihak SKM yang memudahkan urusan mereka.
9. Kebergantungan kepada TMP adalah tinggi walaupun terdapat banyak institusi kewangan yang menyediakan pembiayaan kepada koperasi.
10. 67% koperasi yang mempunyai pinjaman tidak membayar melepasi tempoh lebih 12 bulan.

Selain daripada itu, beberapa cadangan telah dikemukakan di dalam hasil kajian tersebut iaitu:

1. Kemahiran dan pengetahuan pihak koperasi dalam bidang yang ingin diceburi perlu diambil berat
2. Sistem pemantauan yang lebih rapi bagi setiap projek.
3. Menambah baik prosedur pinjaman dan proses kutipan dalam usaha untuk mengurangkan pinjaman tidak membayar
4. Pangkalan data yang lengkap dan dikemaskini
5. Kaedah latihan yang dilaksanakan pada masa kini oleh SKM dan MKM perlu dinilai semula
6. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Impak Tabung Modal Pusingan kepada Koperasi

Oleh:

Ahmad Faizal bin Ahmad Shaarani
Prof. Dr. Rosmimah binti Roslin
Sharina binti Abdullah
Hasrin bin Abu Hassan
Asha'ari bin Arshad

2012

Skop Pembentangan

1. Pendahuluan
 - ☐ Penyataan Masalah
 - ☐ Objektif Kajian
 - ☐ Kepentingan Kajian
 - ☐ Skop dan Batasan Kajian
2. Sorotan Kajian
3. Metodologi Penyelidikan
4. Analisis dan Penemuan
 - ☐ Penemuan Eksploratori
 - ☐ Status Koperasi yang Memperoleh Bantuan
 - ☐ Profil Koperasi
 - ☐ Impak Pinjaman Ke atas Koperasi
5. Kesimpulan dan Cadangan



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Keperluan dana menjadi keutamaan kepada koperasi untuk memastikan kelancaran perniagaan seterusnya menjadi pemangkin kepada perkembangan koperasi

Namun tidak semua koperasi yang memiliki keupayaan dana yang banyak pada satu-satu masa

Sehubungan itu koperasi bersandarkan kepada pinjaman luar daripada bank dan institusi kewangan atau sokongan dalam bentuk kewangan serta input lain daripada agensi kerajaan

SEJARAH PENUBUHAN TMP



Jenis Pinjaman TMP

1. Modal Pusingan
* Modal Pusingan Perniagaan * Modal Pusingan Kerja-kerja Kontrak * Modal Pusingan Pertanian/ Ternakan * Modal Pusingan Perusahaan/ Perindustrian * Modal Pusingan Aktiviti Kredit
2. Pembangunan Hartanah
* Pinjaman Sementara Jual (Bridging Finance) * Bayar Premium Pembangunan Hartanah * Perbelanjaan Awal Pembangunan Hartanah
3. Pemilikan Harta
* Beli Tanah/ Bangunan/ Kilang * Bayar Premium/ Cukai/ Kerja Ukur * Ubahsuai/ Baikpulih * Membina Bangunan
4. Perladangan/ Ternakan/ Pertanian
* Membeli Tanah/ Ladang dan bayar premium * Pembangunan Ladang dan Ternakan
5. Kenderaan/ Jentera
* Membeli kenderaan/ Jentera

Jumlah Permohonan dan Kelulusan TMP dari tahun 2003 hingga 2009

Thn	Permohonan Diterima		Permohonan Diluluskan	
	Bil	Amaun	Bil	Amaun
2003	58	40,756,282	42	17,387,454
2004	89	59,285,724	70	27,944,885
2005	117	103,958,590	71	34,315,422
2006	138	131,320,682	123	72,268,252
2007	156	137,843,074	146	91,030,662
2008	184	190,607,141	153	102,390,880
2009	220	198,884,140	163	78,251,861

*Permohonan dan keperluan yang meningkat dari tahun ke tahun

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PENYATAAN MASALAH

Peruntukan hampir RM300 juta telah diberikan kepada tabung ini. Namun belum ada kajian empirikal untuk menilai sejauh mana kemudahan ini telah dimanfaatkan oleh koperasi

Peningkatan keperluan dari tahun-ke-tahun dengan jumlah dana yang terhad mendesak kajian ke atas kemudahan ini untuk membantu pemberian kemudahan yang lebih cekap dan berkesan



7

Kajian ini bertujuan untuk:



8

KEPENTINGAN KAJIAN



Agensi Menyelia TMP

- Data empirikal untuk menilai semula impak pemberian pinjaman TMP kepada koperasi dari segi kewangan dan sosial
- Mengenal pasti ruang-ruang untuk menambah baik proses dan prosedur pinjaman TMP sedia ada

Koperasi

- Membantu koperasi menilai strategi perniagaan serta nilai-nilai yang diamalkan dalam koperasi yang mendorong prestasi bayaran balik



9

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

SKOP KAJIAN

- Kajian ini meliputi koperasi yang memperoleh pinjaman TMP dari tahun 2000 sehingga 2010 di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- Koperasi yang dipilih terdiri daripada semua fungsi kecuali koperasi kredit dan koperasi sekolah

BATASAN KAJIAN

- Sampel kajian sebanyak 300 tidak dapat dipenuhi kerana alamat koperasi yang diperolehi kurang lengkap
- Kajian melihat pencapaian koperasi sebelum membuat pinjaman dan prestasi pada 2010.
- Penemuan kajian bergantung kepada jenis aktiviti koperasi

10



SOROTAN KAJIAN

11

SOROTAN KAJIAN

Jumlah Pinjaman

Adam dan
Pischke, 1992

- Peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dipohon oleh pemohon yang tidak sepatutnya memohon

Junejo, 2002

- Keperluan sumber meningkat apabila peminjam menggunakan teknologi operasi

Koutsou et al, 2003

- Perkembangan koperasi berkait rapat dengan perolehan modal

Casey et al, 2008

- Hanya perniagaan yang mempunyai rekod pembayaran balik pinjaman dan aset kewangan peribadi yang dicagarkan lebih cenderung diberikan penilaian risiko kredit yang baik

Rahmat dan
Ahmad, 2010

- Kebanyakan kemudahan seperti dana atau pinjaman yang disediakan oleh kerajaan adalah tidak mencukupi untuk melaksanakan aktiviti yang mendatangkan keuntungan

12

SOROTAN KAJIAN

Pengurusan yang Cekap

Safaai dan Idris, 2000

- Sebuah jawatankuasa perlu ditubuhkan bagi memandu dan memantau aktiviti perancangan strategik dalam koperasi

Hagerman, 2005

- Kejayaan dalam sesuatu aktiviti disumbang oleh strategi dan hala tuju yang akan menjadikan sesebuah organisasi lebih kukuh dan efisien

Haim Hilman, 2006

- Kejayaan untuk mencapai sesuatu visi banyak bergantung kepada kemampuan pendokongnya menghayati dan menterjemahkannya

Petridou dan Glaveli, 2008

- Kelemahan ketara organisasi adalah kesilapan memperuntukkan tugas yang membawa kepada perpecahan dan konflik dan akan berpanjangan sekiranya organisasi kekurangan pelapis

13

SOROTAN KAJIAN

Projek yang Berpotensi

Frame, 1995

- Kejayaan sesuatu projek bergantung kepada pengurus projek

Ruuska dan Vartainen, 2003

- Memperoleh projek yang terbaik adalah sesuatu yang kritikal

Anderson et al, 2006

- Kejayaan sesuatu aktiviti projek lazimnya dikekangi oleh bajet dan masa

Anderson et al(2006) menyatakan Lim dan Mohamed(1999); Turner(2002) dan Waterridge(1998)

- Projek jangka pendek mempunyai kesan terhad tetapi sekiranya mempunyai strategi jangka panjang akan meningkatkan ekonomi, sosial dan kesejahteraan persekitaran

Arrto et al, 2008

- Kejayaan adalah apabila sesuatu projek mencapai objektifnya

14

SOROTAN KAJIAN

Impak Penggunaan Kewangan yang Cepak

Johnson dan Rogaly,
1997

- Bantuan kewangan mempunyai kesan positif ke atas pemboleh ubah tertentu

Olagunj, 2007

- Penggunaan kemudahan pinjaman menggambarkan akan adanya peluang pekerjaan, kebolehan guna kapasiti, peningkatan pengeluaran dan pendapatan serta pengurangan kadar kemiskinan

Nkamnebe dan
Idemobi, 2011


- Kemudahan pinjaman sebagai usaha membasmi kemiskinan

Khander (1998) dan
Adesina Othman
(2010)

- Satu alat untuk mengurangkan kemiskinan dalam masyarakat dan amat menggalakkan di kebanyakan negara membangun

15

KERANGKA KAJIAN





METODOLOGI KAJIAN

17

METODOLOGI KAJIAN

TAHAP 1: KAJIAN KUALITATIF

Pengumpulan data sekunder

- data peminjam TMP
- dokumen polisi dan peraturan pinjaman

Eksploratori

- Temubual bersama pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- Temubual bersama ALK/ pegawai koperasi

METODOLOGI KAJIAN

TAHAP 2: KAJIAN KUANTITATIF

Kajian Rintis

Teknik Pensampelan

- Pensampelan strata secara rawak mengikut zon (Utara, Selatan, Timur, Tengah, Sabah, Sarawak)

Saiz Sampel


- Sampel = 204 daripada 300
- Kutipan data
 - Pos, e-mel, temujanji, telefon, blog dan 'walk-in'.

Analisis Data

- Kualitatif: Teknik Analisis Kandungan
- Kuantitatif: Analisis deskriptif dan inferensi
 - Kaedah korelasi dan penilaian kebolehpercayaan

METODOLOGI KAJIAN

Penilaian 'Reliability' (Cronbach Alpha)





ANALISIS DAN PENEMUAN

21

PENEMUAN

Penemuan Eksploratori

Polisi Tabung Modal Pusingan

- Proses memohon pinjaman tidak sukar
- Jumlah yang diperolehi tidak mencukupi
- Penilaian aset oleh jurunilai yg dilantik SKM adalah di bawah nilai pasaran

Kelulusan Pinjaman

- Pinjaman yang telah diluluskan lambat di peroleh- antara 6-7 bulan

Pembayaran Balik

- Koperasi bersetuju dengan tempoh bayaran balik dan kaedah penangguhan yang disediakan

Implikasi TMP

- Koperasi bersetuju bahawa TMP membantu mengembangkan perniagaan dan prestasi koperasi

22

Status Koperasi yang Memperoleh TMP

Negeri	Amaun(RM)	Peratusan(%)
Wilayah Persekutuan	108,232,196.95	23.04
Perak	70,775,052.12	15.07
Selangor	47,573,945.21	10.33
Johor	41,296,445.36	8.79
Pahang	37,096,438.56	7.90
Negeri Sembilan	29,280,700.92	6.23
Kelantan	29,224,151.10	6.22
Sarawak	24,924,959.87	5.31
Terengganu	24,839,860.57	5.29
Sabah	22,151,502.50	4.72
Kedah	17,697,605.25	3.77
Pulau Pinang	7,974,658.20	1.70
Melaka	5,682,891.06	1.21
Perlis	3,018,342.92	0.64
Jumlah Pembiayaan	469,768,750.59	100.00

Pembiayaan Tertunggak

Jadual 6: Analisa Pembiayaan
Tertunggak

Pembiayaan Tertunggak	Amaun(RM)	Peratusa n(%)
Kurang 6 bulan	653,991.65	3.22
Kurang Sebulan	3,248,625.77	15.97
2-6 bulan	2,777,512.85	13.66
Lebih 6 bulan	2,777,512.85	13.66
Lebih 12 bulan	13,659,162.82	67.16
JUMLAH	20,339,293.09	100.0%

Jadual 7: Negeri dan Amaun Pembiayaan
Tertunggak

Negeri	Amaun(RM)	Peratusan(%)
Kelantan	3,150,642.49	15.49
Pahang	2,865,100.45	14.09
Pulau Pinang	2,759,552.62	13.57
Negeri Sembilan	2,408,256.16	11.84
W. Persekutuan	1,977,344.96	9.72
Selangor	1,781,909.13	8.76
Kedah	1,631,837.84	8.02
Sabah	1,351,308.14	6.64
Melaka	547,898.84	2.69
Perak	510,858.85	2.51
Terengganu	837,985.56	4.12
Sarawak	196,439.43	0.97
Perlis	48,027.75	0.24
JUMLAH	20,339,293.09	100.0%

Profil Koperasi: Tahun Penubuhan dan Aktiviti

Bilangan dan Tahun Penubuhan Koperasi

Tahun	Bilangan(n)	Peratusan(%)
<i>Sebelum 1990</i>	149	73.0
<i>1990-1995</i>	28	13.7
1996-2000	8	3.9
2001-2005	9	4.4
Selepas 2005	10	4.9
JUMLAH	204	100.0%

Aktiviti Utama

Aktiviti Utama	Bilangan(n)	Peratusan(%)
<i>Pertanian</i>	50	24.5
<i>Kredit</i>	48	23.5
<i>Pengangkutan</i>	42	20.6
Pengguna	31	15.2
Perkhidmatan	19	9.3
Perumahan	7	3.4
Pembinaan	4	2.0
Perindustrian	3	1.5
JUMLAH	204	100.0%

23

Profil Koperasi: Pembiayaan Selain TMP dan Sumber Luar

Jadual 11: Sumber Pembiayaan Luar

Jadual 10: Pembiayaan Selain TMP

Pembiayaan Selain TMP	Bilangan (n)	Peratusan (%)
Ya	72	35.30
<i>Tidak</i>	132	64.70
JUMLAH	204	100.0%

Sumber Pembiayaan Luar	Bilangan (n)	Peratusan (%)
<i>Bank Komersil</i>	67	93.0
Agensi Kerajaan	1	1.4
Anggota	1	1.4
Lain-lain	3	4.2
JUMLAH	72	100.0%

26

Profil Koperasi: Perbandingan Proses Pembiayaan

Jadual 12: Perbandingan Proses Pembiayaan TMP dengan Pembiayaan Lain

Perkara	TMP	Peratusan (%)	Pembiayaan Lain	Peratusan (%)	Peratusan (%) / Bilangan (n)
Kadar faedah/ caj lebih rendah	70	97.2	2	2.8	100 (72)
Kemudahan penjadualan pembiayaan	66	91.7	6	8.3	100 (72)
Tempoh bayaran balik lebih panjang	62	86.1	10	13.9	100 (72)
Syarat Permohonan Mudah	58	80.6	14	19.4	100 (72)
Tempoh kelulusan permohonan singkat	43	59.7	29	40.3	100 (72)
Tempoh terimaan pembiayaan cepat	41	56.9	31	43.1	100 (72)
Had maksimum pembiayaan lebih tinggi	41	56.9	31	43.1	100 (72)

Profil Koperasi: Tujuan dan Sumber Maklumat TMP

Jadual 13: Tujuan Pembiayaan Selain TMP

Tujuan Pembiayaan Luar	Bilangan (n)	Peratusan (%)
Pembelian Aset	28	53.0
Suntikan Modal Projek Pelaburan	27	37.5
Lain-lain	4	5.6
JUMLAH	3	4.2
JUMLAH	72	100.0%

Jadual 14: Sumber Maklumat Mengenai Pembiayaan TMP

Sumber Maklumat	Bilangan (n)	Peratusan (%)
Penerangan pegawai SKM	199	73.43
Laman Web SKM	35	12.90
Risalah/ Majalah berkaitan TMP	23	8.49
Pameran	5	1.85
Anggota	5	1.85
Lain-lain	4	1.48
JUMLAH	271	100.00

Profil Koperasi: Tujuan Pembiayaan TMP

Jadual 15: Tujuan Pembiayaan TMP

Tujuan Pembiayaan Luar	Bilangan(n)	Peratusan(%)
<i>Modal pusingan perniagaan</i>	77	29.96
<i>Beli tanah/ bangunan/ kilang</i>	59	22.96
Modal pusingan kerja-kerja kontrak	33	12.84
Modal pusingan aktiviti kredit	25	9.73
Modal pusingan pertanian/ ternakan	21	8.17
Membina bangunan	16	6.23
Perbelanjaan awal pembangunan hartanah	10	3.89
Modal pusingan perusahaan/ perindustrian	6	2.33
Ubah suai/ baik pulih	6	2.33
Pembiayaan sementara jual (bridging finance)	2	0.78
Bayar premium pembangunan hartanah	2	0.78
Bayar premium/ cukai/ kerja ukur	Nil	0.00
JUMLAH	257	100.0%

29

Profil Koperasi: Faktor Kesulitan Membuat Bayaran dan Penjadualan Semula

Kesulitan membuat bayaran TMP:
 • 77.9% (n=159) - tidak menghadapi masalah membuat bayaran TMP
 • 22.1% (n=45) - menghadapi masalah

Daripada 22.1% (n=45) hanya 40% (n=18) sahaja yang membuat penjadualan semula pinjaman

Jadual 16: Faktor Kesulitan Membuat Bayaran TMP

Faktor	Bil (n)	%
<i>Hasil tidak mencukupi untuk membuat bayaran</i>	21	27.63
<i>Projek masih belum mendatangkan hasil</i>	20	26.31
Perbelanjaan operasi melebihi pendapatan	16	21.05
Perniagaan mengalami kerugian	10	13.16
Bayaran pembiayaan bank didahulukan daripada bayaran pembiayaan TMP	1	1.32
Lain-lain	8	10.53
JUMLAH	76	100

Jadual 17: Penjadualan Semula TMP mengikut Jenis

Jenis TMP	Bil(n)	Peratusan(%)
<i>Modal pusingan pertanian/ ternakan</i>	5	27.78
<i>Modal pusingan kerja-kerja kontrak</i>	4	22.22
Modal pusingan perniagaan	3	16.66
Beli tanah/ bangunan/ kilang	3	16.66
Bayar premium	1	5.56
pembangunan hartanah	1	5.56
Ubahsuai/ baik pulih	1	5.56
Membina bangunan	1	5.56
JUMLAH	18	100

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 19: Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Modal Pusingan Perniagaan

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta
Jumlah pinjaman bagi modal pusingan	Kurang dari RM50K	5	4	2	1	8	1	2	1
	RM50K-RM100K	4	13	10	3	12	9	7	2
	RM101K-RM500K	7	7	9	4	11	6	7	3
	RM501K-RM1juta	1	1	3	1	3	1	1	1
	Lebih dari RM1juta	0	1	1	0	1	1	0	0
Jumlah (77)		17 (22%)	26 (34%)	25 (32%)	9 (12%)	35 (45%)	18 (23%)	17 (22%)	7 (9%)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 20 Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Modal Pusingan Kerja Kontrak

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta
Jumlah pinjaman bagi kerja kontrak	Kurang dari RM50K	0	1	0	0	0	1	0	0
	RM50K-RM100K	5	2	2	2	5	3	2	1
	RM101K-RM500K	3	7	8	2	6	6	5	3
	RM501K-RM1juta	0	0	0	0	0	0	1	0
	Lebih dari RM1juta	0	0	1	0	0	0	0	0
Jumlah (33)		8 (24%)	10 (31%)	11 (33%)	4 (12%)	11 (33%)	10 (31%)	8 (24%)	4 (12%)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 21: Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Modal Pusingan Pertanian/Ternakan

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta
Jumlah pinjaman bagi pertanian/ternakan	Kurang dari RM50K	0	1	0	0	0	1	0	0
	RM50K-RM100K	5	2	3	0	5	2	3	0
	RM101K-RM500K	1	3	4	2	1	3	4	2
	RM501K-RM1juta	0	0	0	0	0	0	0	0
	Lebih dari RM1juta	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah (21)		6	6	7	2	6	6	7	2
Peratus		(28.5)	(28.5)	(33.5)	(9.5)	(28.5)	(28.5)	(33.5)	(9.5)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 22: Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Modal Pusingan Perusahaan/Perindustrian

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta
Jumlah pinjaman bagi perusahaan/perindustrian	Kurang dari RM50K	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM50K-RM100K	1	0	2	0	2	0	1	0
	RM101K-RM500K	0	0	1	0	0	0	1	0
	RM501K-RM1juta	1	1	0	0	2	0	0	0
	Lebih dari RM1juta	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah (6)		2	1	3	0	4	0	2	0
Peratus		(33.3)	(16.7)	(50)	(0)	(66.7)	(0)	(33.3)	(0)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 23: Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Modal Pusingan Aktiviti Kredit

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta
Jumlah pinjaman bagi aktiviti kredit	Kurang dari RM50K	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM50K-RM100K	0	1	0	0	1	0	0	0
	RM101K-RM500K	2	1	1	0	3	0	1	0
	RM501K-RM1juta	0	2	0	0	0	2	0	0
	Lebih dari RM1juta	3	4	6	4	3	7	4	3
Jumlah (24)		5	8	7	4	7	9	5	3
Peratus		(21)	(33)	(29)	(17)	(29)	(38)	(21)	(12)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 24: Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Awal Pembangunan Hartanah

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM 1 Juta - RM 5 Juta	Lebih dari RM 5 Juta
Jumlah pinjaman bagi pertanian/temakan	Kurang dari RM50K	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM50K-RM100K	1	0	0	0	1	1	0	0
	RM101K-RM500K	0	3	1	2	3	1	1	1
	RM501K-RM1juta	0	0	1	0	0	0	0	0
	Lebih dari RM1juta	1	1	0	0	2	0	0	0
Jumlah (10)		2	4	2	2	6	2	1	1
		(20%)	(40%)	(20%)	(20%)	(60%)	(20%)	(10%)	(10%)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 25: Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Pembelian Tanah/Bangunan/Kilang

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 juta	Lebih RM 1 juta - RM 5 juta	Lebih dari RM 5 juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 juta	Lebih RM 1 juta - RM 5 juta	Lebih dari RM 5 juta
Jumlah pinjaman bagi membeli tanah/bangunan/kilang	Kurang dari RM50K	0	0	0	0	0	0	0	0
	RM50K-RM100K	3	3	0	0	3	3	0	0
	RM101K-RM500K	14	6	7	1	17	6	4	1
	RM501K-RM1juta	4	4	3	3	5	5	2	2
	Lebih dari RM1juta	3	3	5	0	3	4	4	0
Jumlah (59)		24	16	15	4	28	18	10	3
		(41%)	(27%)	(25%)	(7%)	(47%)	(31%)	(17%)	(5%)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 26: Perbandingan Pencapaian Pendapatan Sebelum dan Sesudah memperolehi TMP bagi Tujuan Membina Bangunan

		Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun permohonan			
		Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 juta	Lebih RM 1 juta - RM 5 juta	Lebih dari RM 5 juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 juta	Lebih RM 1 juta - RM 5 juta	Lebih dari RM 5 juta
Jumlah pinjaman bagi membina bangunan	Kurang dari RM50K	1	1	0	0	1	1	0	0
	RM50K-RM100K	1	0	2	0	2	0	1	0
	RM101K-RM500K	1	4	1	0	3	2	0	0
	RM501K-RM1juta	0	2	0	0	1	2	0	0
	Lebih dari RM1juta	0	3	0	0	0	3	0	0
Jumlah (16)		3	10	3	0	7	8	1	0
Peratus		(18.8)	(62.4)	(18.8)	(0)	(43.8)	(50)	(6.2)	(0)

Impak Pinjaman Keatas Koperasi

Jadual 27: Jenis Projek dan Pencapaian Koperasi 2010 Berbanding tahun Memohon TMP

	Pendapatan koperasi pada tahun 2010				Pendapatan koperasi pada tahun memohon			
	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM1 juta hingga RM5 juta	Lebih dari RM 5 Juta	Kurang dari RM 200 ribu	RM 200 ribu - RM 1 Juta	Lebih RM1 juta hingga RM5 juta	Lebih dari RM 5 Juta
Modal Pusingan Pembiayaan	17	26	23	9	33	18	17	7
Modal Pusingan kerja kontrak	8	10	11	4	11	10	8	4
Modal Pusingan pertanian/ternakan	6	6	7	2	6	6	7	2
Modal Pusingan perikanan/industri	2	1	3	0	4	0	2	0
Modal Pusingan aktiviti kredit	3	8	7	4	7	9	3	3
Pinjaman sementara jual (Bridging Finance)	1	1	0	0	1	0	0	1
Bayar premium pembangunan hartanah	0	1	0	1	1	0	1	0
Perbelanjaan awal pembangunan hartanah	2	4	2	2	6	2	1	1
Beli tanah/bangunan kilang	24	16	13	4	28	18	10	3
Ukeshaw/baikpulih	0	1	3	2	2	2	2	0
Memorina bangunan	3	10	3	0	7	8	1	0
Jumlah	70	84	70	28	108	73	84	21
Peratus	27.3	32.3	29.7	10.9	42.2	29.5	31.1	9.139

Korelasi Strategi Perniagaan dan Impak Sosial

Jadual 28: Korelasi Strategi Perniagaan dan Impak Sosial

		Strategi Perniagaan	Impak Sosial
Strategi Perniagaan		1	.552(**)
Impak Sosial		.552(**)	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000
	N	204	204

** Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Keupayaan Koperasi Sebelum dan Selepas Meminjam TMP

Jadual 29: Keupayaan Koperasi Sebelum dan Selepas Pinjaman TMP

	Pada tahun 2010		Pada tahun permohonan	
	Kekerapan	Peratusan (%)	Kekerapan	Peratusan (%)
Jumlah anggota koperasi				
Kurang dari 100 orang	15	7.4	18	8.8
100 hingga 300 orang	41	20.1	49	24.0
301 hingga 500 orang	47	23.8	45	22.1
Lebih 500 orang	101	49.5	92	45.1
Jumlah Modal Syer				
Kurang dari RM10 Ribu	8	3.9	19	9.3
RM10 Ribu-RM50 Ribu	19	9.3	27	13.2
RM51 Ribu-RM100 Ribu	19	9.3	23	11.3
Lebih dari RM100 Ribu	158	77.5	133	66.2
Jumlah Aset Koperasi				
Kurang dari RM50 Ribu	13	6.4	40	19.6
RM50 Ribu-RM100 Ribu	18	8.8	22	10.8
RM101 Ribu-RM500 Ribu	50	24.5	42	20.6
Lebih dari RM500 Ribu	123	60.3	100	49.0
Jumlah peruntukan tabung kebajikan				
Kurang dari RM10 Ribu	105	51.5	123	61.3
RM10 Ribu-RM50 Ribu	50	24.5	41	20.1
RM51 Ribu - RM100 Ribu	29	14.2	22	10.8
Lebih dari RM100 Ribu	20	9.8	16	7.8
Pemberian dividen atas modal syer				
Tiada dividen	66	32.4	82	40.2
Ada dividen	158	77.6	122	59.8

41

Keupayaan Koperasi Sebelum dan Selepas Meminjam TMP

Jadual 30: Penyataan Tentang Polisi dan Prosedur TMP

Penyataan	Peratusan Kekerapan Penyataan Setuju	Peratusan Kekerapan Penyataan Tidak Setuju	Min (Skala 1: Amat tidak bersetuju – 6: Amat setuju)	Sisihan Piawai (Std Deviation)
Koperasi memutuskan untuk meminjam TMP kerana:				
1. Adanya bimbingan khidmat nasihat SKM	99.0%	1.0%	5.29	.722
2. Penjadualan semula pinjaman yang fleksibel	97.5%	2.5%	5.22	.764
3. Proses permohonan pinjaman yang mudah	92.5%	7.5%	4.94	.947
4. Adanya budibicara dalam pengurusan pinjaman	96.0%	4.0%	5.12	.727
5. Syarat-syarat yang ditetapkan mudah dipenuhi	95.5%	4.5%	5.00	.857
6. Sudah ada pengalaman dalam proses pinjaman TMP	82.8%	17.2%	4.83	1.234
7. Penguatkuasaan SKM yang tidak terlalu ketat	83.8%	16.2%	4.63	1.100
8. Kaedah/cara pembayaran balik pinjaman yang mudah	97.5%	2.5%	5.28	.753

42



KESIMPULAN DAN CADANGAN

43

KESIMPULAN

- 1 • TMP telah berjaya memberi impak peningkatan kepada koperasi dalam beberapa aspek.
- 2 • Keupayaan koperasi dalam meningkatkan jumlah modal syer koperasi dan pemilikan aset yang semakin besar.
- 3 • Peningkatan dalam pemberian dividen
- 4 • Peningkatan peruntukan bagi tabung-tabung kebajikan
- 5 • Tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi koperasi-koperasi yang menggunakan TMP bagi tujuan pertanian.

44

KESIMPULAN

- 6 • Terdapat korelasi diantara pinjaman TMP dan impak kepada sosial tetapi ia agak sederhana.
- 7 • SKM banyak membantu dalam memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka berkenaan dengan TMP ini.
- 8 • Kaedah pembayaran balik yang disediakan oleh pihak SKM yang memudahkan urusan mereka.
- 9 • Kebergantungan kepada TMP adalah tinggi walaupun terdapat banyak institusi kewangan yang menyediakan pembiayaan kepada koperasi
- 10 • 67 % koperasi yang mempunyai pinjaman tidak berbayar melepasi tempoh lebih 12 bulan

43

CADANGAN



46



SOAL JAWAB DAN MAKLUM BALAS

47



SEKIAN TERIMA KASIH

48



KERTAS KERJA 2:-

Tajuk : Kajian Pengwujudan Konsep Anggota Bersekutu Dalam Gerakan Koperasi di Malaysia

Tarikh : 17 Disember 2012

Masa : 10.00 pagi – 12.30 tengahari

Pembentang : 1. Pn. Najmah Bt Nawawi
(Pengarah Pusat Konsultasi)
2. Cik Sharina Bt Abdullah
(Pengarah MKM Bera)

RUMUSAN KAJIAN

Kertas kerja ini telah mengupas isu-isu berkait rapat dengan fungsi utama koperasi iaitu sebagai satu badan unik yang dianggotai, dimodali dan ditadbir oleh sekumpulan manusia untuk memajukan kepentingan ekonomi dan sosial anggotanya. Ia juga berdasarkan kepada Dasar Koperasi Negara 2011-2020, dimana kerajaan mensasarkan peningkatan pusingan perniagaan(turnover) melalui penyertaan rakyat dalam ekonomi secara berkoperasi. Pembentang juga membentangkan isu yang terdapat dalam koperasi yang menyebabkan tercetusnya kajian ini adalah berkaitan dengan pertumbuhan anggota koperasi yang kurang memberansangkan, kurang dana dalam menjalankan perniagaan berikutan kebanyakan koperasi bersaiz sederhana & kecil dan mikro, ini adalah lebih 50% dari jumlah koperasi. Selain daripada itu, ia juga kerana kebergantungan yang tinggi kepada sumber kewangan dalaman dan juga kesukaran koperasi mendapatkan dana bagi menjalankan perniagaan. Pada bulan November 2012 jumlah koperasi di Malaysia adalah berjumlah 10300 buah yang diperolehi dari sumber SKM.

Kajian mendapati koperasi terdiri dari 2 jenis anggota iaitu anggota biasa dan anggota bersekutu. Terdapat 2 jenis Model Anggota Bersekutu (MAB) iaitu jenis I koperasi membuka keahlian melalui tawaran syer di bursa saham dimana anggota bersekutu bertindak sebagai pelabur dan penasihat kepada koperasi. Anggota ini akan memperoleh pulangan dalam bentuk dividen dan koperasi memperoleh manfaat melalui sumber dana untuk pelaburan perniagaan. Jenis II pula ialah koperasi membuka keanggotaan kepada orang ramai bagi mendapat produk/ perkhidmatan yang ditawarkan. Anggota akan memperoleh manfaat dari segi penggunaan produk dan koperasi memperoleh manfaat dari peningkatan pendapatan dan anggota. Sebagai contoh seperti Pasaraya Jusco yang mempunyai kad ahli, yang mana sesiapa yang memegang kad keahlian akan mendapat potongan harga dari pembelian yang dibuat. Dan setiap pemegang kad ahli dikenakan yuran tahunan.

Pembentang juga menerangkan senario yang berlaku di Negara Jepun dimana anggota bersekutu berperanan sebagai pengguna perkhidmatan bagi aktiviti pertanian. Anggota biasa terdiri daripada petani yang menyertai koperasi bagi membantu mendapatkan input pertanian dan menghasilkan hasil yang lebih baik. Selain daripada itu, koperasi akan bertindak sebagai agen yang memasarkan produk anggota tersebut. Hadano-shi Agriculture Cooperative adalah contoh koperasi yang menjadi bahan kajian dimana ia memberi peluang kepada orang ramai yang bukan petani untuk menganggotai koperasi seterusnya menggunakan produk dan perkhidmatan anggota. Koperasi ini dahulu pada asalnya adalah koperasi pertanian tetapi disebabkan keadaan semasa koperasi ini tidak dapat membuat pertanian dan terpaksa bertukar aktiviti utamanya. Manfaat yang diterima anggota bersekutu ialah mereka boleh menggunakan produk koperasi dengan harga yang lebih kompetitif. Koperasi Hadano-shi pula bermanfaat dengan peningkatan pendapatan dan koperasi ini juga mencatat bilangan anggota bersekutu melebihi anggota biasa iaitu berjumlah 8413 dan 3104 bagi anggota biasa.

Selain dari Negara Jepun, pembentang juga membentangkan contoh koperasi di Negara New Zealand dimana koperasi menjalankan aktiviti tanaman buah kiwi. Cetusan idea ini terhasil dari masalah buah kiwi yang cepat rosak. Koperasi di New Zealand mendapat masalah dimana pembungkusan sukar dijalankan berikutan masalah modal. Oleh itu, koperasi ini menawarkan orang luar iaitu sebagai pelabur. Oleh itu, pelabur akan membeli unit saham di papan kedua New Zealand dan bertindak sebagai sebahagian daripada Anggota Lembaga Pengarah koperasi. Sebagai contoh jumlah petani (anggota biasa) adalah 3 orang, manakala 2 orang akan terdiri daripada pelabur (anggota bersekutu). Tetapi bagi jumlah pelaburan pula adalah 60% pelaburan dari pelabur dan 40% pelaburan dari petani atau anggota koperasi. Mereka ini terdiri daripada pakar dalam bidang masing-masing atau memiliki perusahaan sendiri dan juga sebagai penasihat. Ia juga dipanggil sebagai Co-op Hybrid/New Generation Co-op dimana semua anggota mempunyai tanggungjawab kewangan kerana dana datang dari pelabur. Antara syarat-syarat utama yang dikenakan kepada sesiapa yang ingin menjadi ALK adalah perlu memastikan kadar keuntungan pada tahun semasa adalah lebih tinggi dari tahun yang sebelumnya.

Pembentang juga memberikan senario yang berlaku didalam negara dimana telah wujud konsep anggota bersekutu. Bagi konsep di Malaysia, pelabur akan bertindak sebagai pemberi modal dan berkongsi dengan pemilik perusahaan atau dipanggil sebagai rakan kongsi. Bagi persektif pengguna pula, Ar-Rahnu/insurans adalah salah satu contoh konsep anggota bersekutu dimana ahli menggunakan perkhidmatan yang diperlukan dan membayar yuran pendaftaran seumur hidup. Kesimpulannya, pembentang memberikan implikasi yang berlaku dengan penglibatan anggota bersekutu di dalam koperasi iaitu:

1. Peningkatan bilangan anggota
2. Suntikan dana koperasi
3. Koperasi lebih kompetitif dengan dana dalaman dan tidak bergantung kepada pihak luar
4. Berupaya membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam menyediakan kemudahan kewangan

Sebagai penutup, penglibatan anggota bersekutu adalah satu alternatif dalam menangani kekurangan dana dan meningkatkan bilangan anggota koperasi. Oleh itu, ia dapat meningkatkan kedudukan kewangan sedia ada, malah ia dapat menjadikan koperasi lebih berdaya saing dalam meluaskan bidang perniagaan. Selain dari itu, penyertaan anggota bersekutu turut membantu menggalakkan penglibatan rakyat dalam aktiviti ekonomi secara berkoperasi.



KERTAS KONSEP 'ANGGOTA BERSEKUTU'

oleh

Najmah Nawawi
Sharina Abdullah

Skop Pembentangan

- Pengenalan
- Isu
- Pendekatan Model Anggota Bersekutu
- Konsep 'Anggota Bersekutu': Senario Koperasi di Luar Negara dan Malaysia
 - Jepun
 - New Zealand
 - Malaysia
- Implikasi Konsep Kepada Koperasi
- Kesimpulan



Pengenalan

- Koperasi merupakan satu badan pertubuhan unik yang dianggotai, dimodali dan ditadbir oleh sekumpulan manusia **berasaskan semangat dan usaha kerjasama** untuk memajukan kepentingan ekonomi dan sosial anggota-anggotanya
- Kajian mendapati koperasi terdiri dari dua jenis anggota iaitu anggota biasa dan anggota bersekutu
- Dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020, kerajaan mensasarkan peningkatan pusingan perniagaan (turnover) koperasi melalui penyertaan rakyat dalam ekonomi secara berkoperasi



3

Isu Dalam Koperasi

- **Pertumbuhan** anggota koperasi yang kurang memberansangkan
- Kurang **dana** dalam menjalankan perniagaan
- **Kebergantungan** yang tinggi kepada dana dalaman
- **Kesukaran** koperasi untuk mendapat dana bagi menjalankan perniagaan



4

Pendekatan Model Anggota Bersekutu

Jenis I

- Koperasi membuka keahlian melalui **tawaran syer** di bursa saham
- Anggota Bersekutu bertindak sebagai **pelabur**
- Anggota memperoleh pulangan dalam bentuk **dividen** hasil daripada pelaburan mereka
- Koperasi pula memperoleh manfaat dari segi **sumber dana** yang besar untuk dilaburkan dalam perniagaan

Jenis II

- Koperasi membuka keanggotaan kepada orang ramai yang ingin **melanggan dengan koperasi** bagi mendapatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan
- Anggota memperoleh **manfaat dari segi penggunaan** perkhidmatan kewangan dan produk
- Koperasi memperoleh manfaat dari segi **peningkatan pendapatan dan anggota**



5

Konsep Anggota Bersekutu : Senario Koperasi Di Luar Negara

JEPUN

- Anggota bersekutu berperanan sebagai pengguna perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi pertanian
- Anggota biasa terdiri daripada petani yang menyertai koperasi bagi membantu mereka mendapatkan input pertanian dan menghasilkan hasil pertanian yang lebih baik. Pada masa yang sama, koperasi juga bertindak sebagai agen yang memasarkan produk pertanian anggota biasa



6

Hadano-shi Agriculture Cooperative

- Konsep ini memberi **peluang** kepada orang ramai yang bukan petani untuk **menganggotai koperasi**, seterusnya menggunakan produk dan perkhidmatan anggota.
- Manfaat yang diterima oleh anggota bersekutu ialah mereka dapat menggunakan **produk dan perkhidmatan** koperasi pada harga yang lebih kompetitif berbanding bukan ahli.



7

Hadano-shi Agriculture Cooperative

- Koperasi pula mendapat manfaat dari segi **peningkatan pendapatan** kesan daripada penggunaan / langganan oleh anggota bersekutu. Di koperasi yang dikaji iaitu Koperasi Pertanian Hadano-shi, bilangan anggota bersekutu melebihi bilangan anggota biasa. Bilangan anggota biasa koperasi hanyalah seramai 3104 orang manakala anggota bersekutu pula ialah seramai 8413 orang.



8

Konsep Anggota Bersekutu: Senario Koperasi Di Luar Negara

- **NEW ZEALAND**

Pelabur:

- membeli unit saham di bursa saham papan kedua New Zealand
- mendapat dividen
- Anggota Lembaga Pengarah koperasi
- pakar dalam bidang masing-masing/memiliki perusahaan sendiri
- penasihat



9

Konsep Anggota Bersekutu : Senario Koperasi Dalam Negara

- **MALAYSIA**

Pelabur:

- Memberi modal dan berkongsi dengan pemilik perusahaan
- Rakan kongsi

Pengguna:

- Membayar yuran pendaftaran seumur hidup
- Menggunakan perkhidmatan yang diperlukan; Ar-Rahnu, Insurans



10

Implikasi Penglibatan Anggota Bersekutu Dalam koperasi

- Peningkatan bilangan anggota
- Suntikan dana koperasi
- Koperasi lebih kompetitif dengan adanya dana dalaman dan tidak bergantung kepada pihak luar
- Berupaya membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam menyediakan kemudahan kewangan




11

Penutup

- Penglibatan anggota bersekutu adalah satu alternatif dalam menanggapi kekurangan dana dan peningkatan anggota yang rendah dalam gerakan koperasi. Melalui ini koperasi dapat mengukuhkan kedudukan kewangan sedia ada serta meningkatkan kebolehsaingan koperasi dalam usaha meluaskan perniagaan
- Selain itu penyertaan anggota bersekutu turut membantu menggalakkan penglibatan rakyat dalam aktiviti ekonomi secara berkoperasi



12



Penternakan kambing Tenusu

SESI KEDUA

KERTAS KERJA 3:-

Tajuk : Potensi Perniagaan dan Kisah Kejayaan Dalam Industri Kambing Susu

Tarikh : 17 Disember 2012

Masa : 2.15 petang – 4.30 petang

Pembentang : Puan Zablina Bilmas
(Pegawai Perkhidmatan Veterinar Segamat)

RUMUSAN KAJIAN

Kertas kerja ini telah mengupas isu-isu berkaitan senario pengeluaran kambing tenusu, populasi ternakan kambing tenusu dan kambing pedaging. Senario pengeluaran kambing di Asia menyumbang kepada pengeluaran dunia sebanyak 60% (530 juta ekor). Penternakan kambing tenusu dikatakan menyumbang kepada sumber pendapatan golongan berpendapatan rendah. Walaubagaimanapun, penternakan kambing tenusu tidak menarik minat kebanyakan pihak dan aktiviti ini kebanyakan diusahakan secara kecil-kecilan. Susu dan daging kambing dikatakan mampu dikomersialkan secara besar-besaran oleh koperasi kerana ia kaya dengan khasiat.

Di Malaysia, populasi kambing tenusu menunjukkan pengeluaran sebanyak 413,359 ekor pada tahun 2011. Sektor ini dikatakan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara serta dilihat sebagai satu peluang bagi koperasi untuk menambah pendapatan. Malangnya di negara kita, penglibatan sektor koperasi dalam penternakan kambing tenusu masih kurang menggalakkan. Negara USA, India dan China merupakan tiga buah negara pengeluar utama dalam pengeluaran susu lembu dunia.

Selain itu juga, pembentang turut berkongsi konsep pengeluaran kambing tenusu yang terbahagi kepada tiga konsep iaitu Emas Merah untuk pengeluaran susu, Emas Hitam untuk baja, dan Emas Merah untuk daging untuk dimakan. Terdapat perbezaan dari segi baka untuk pengeluaran kambing pedaging dan kambing tenusu. Baka-baka untuk kambing pedaging dikenali sebagai Saanen, makala untuk tenusu dikenali sebagai baka toggerburg dan alpine serta jamnapari.

Dilihat kepada potensi penternakan kambing tenusu, didapati pengeluarannya masih pada peringkat rendah akan tetapi permintaan untuk pasaran tempatan dan eksport sangat tinggi. Dasar kerajaan yang mengawal perjalanan aktiviti penternakan kambing di negara seharusnya diperluaskan lagi untuk menggalakkan perkembangan sektor ini. Tidak dinafikan, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam sektor penternakan kambing tenusu seperti modal yang tinggi diperlukan, promosi secara meluas, perlu ilmu yang mencukupi di samping kenaikan harga di pasaran.

Pembentang juga dalam pembentangannya telah berkongsi kejayaan penternakan kambing tenusu yang dijalankan oleh koperasi di Taiwan dan Indonesia.



TOPIK

- Senario Peternakan Kambing Tenusu
- Populasi Ternakan Kambing Tenusu
- Kambing Tenusu VS Kambing Pedaging
 - Baka-baka Kambing Tenusu
 - Pengurusan:
 - Perumahan
 - Pemakanan
 - Pembiakan
 - Pemerahan Susu




TOPIK

- Produk Berasaskan Susu Kambing
- Potensi Penternakan Kambing Tenusu
- Penternak Kambing Tenusu Yang Berjaya



SENARIO PENGELUARAN KAMBING



SENARIO PENGELUARAN KAMBING

- Senario Peternakan Kambing Tenusu:
 - Menjadi sumber pendapatan kepada golongan pendapatan rendah
 - Tidak menarik minat banyak pihak – pelabur, penyelidik, pembuat polisi
 - Kecil-kecilan
 - Susu kambing sebagai ubat
 - Susu tidak diproses
 - Tidak sedia di minum
 - Harga susu kambing > mahal

- ## SENARIO PENGELUARAN KAMBING
- Senario Peternakan Kambing Tenusu:
 - Menjadi sumber pendapatan kepada golongan pendapatan rendah
 - Tidak menarik minat banyak pihak – pelabur, penyelidik, pembuat polisi
 - Kecil-kecilan
 - Susu kambing sebagai ubat
 - Susu tidak diproses
 - Tidak sedia di minum
 - Harga susu kambing > mahal

A photograph of a black and brown goat standing in a grassy field. The goat is facing left, and its head is slightly turned towards the camera. It has a dark coat with some lighter patches on its hindquarters and legs. The background is a green field with some dry grass.

Populasi Kambing Tenusu Di Malaysia

- **Malaysia : Kambing - 413 359 ekor (2011)**
: Bebiri - 121 583 ekor
- **Johor**
: Kambing – 55 102 ekor
: Kambing Tenusu - 5741 ekor
: Bebiri – 25 603 ekor

- 
- A photograph of a black and brown goat standing in a grassy field. The goat is facing left, and its head is slightly turned towards the camera. It has a dark coat with some lighter patches on its hindquarters and legs. The background is a green field with some dry grass.
- ## **Populasi Kambing Tenusu Di Malaysia**
- **Malaysia : Kambing - 413 359 ekor (2011)**
: Bebiri - 121 583 ekor
 - **Johor**
: Kambing – 55 102 ekor
: Kambing Tenusu - 5741 ekor
: Bebiri – 25 603 ekor

SENARIO PENGELUARAN KAMBING TENUSU NEGARA

Walaubagaimanapun, kesan dari cabaran ekonomi dan ekologi, peternakan kambing tenusu dilihat sebagai peluang menambah pendapatan yang baru dari segi nilai kualiti daging dan susu kambing dan penyesuaian dengan alam sekitar yang lebih baik

10 Pengeluar Susu Lembu Dunia (2010)

Negara	Pengeluaran (Tan)
USA	87,446,130
India	50,300,000
China	36,036,086
Russia	31,895,100
Brazil	31,667,600
Germany	29,628,900
France	23,301,200
New Zealand	17,010,500
United Kingdom	13,960,000
Turkey	12,480,100
Dunia	599,438,003

10 Pengeluar Susu Kerbau Dunia (2010)

Negara	Pengeluaran (Tan)
India	62,400,000
Pakistan	22,279,000
China	3,100,000
Egyot	2,725,000
Nepal	1,066,870
Iran	279,800
Myanmar	248,400
Italy	210,200
Sri Lanka	46,990
Bangladesh	36,000
Dunia	92,517,217

Pengeluaran Susu Kambing Dunia



72 %

599,438,003 tan



11 %


92,517,217 tan



16.6 %

138,391,044 tan

Pengimportan Susu



Konsep Pengeluaran Kambing Tenusu



Emas Putih



Emas Hitam



Emas Merah



Kambing Pedaging VS Kambing Tenusu

Baka Yang Berbeza



BAKA-BAKA KAMBING TENUSU

SAANEN



- Ciri-ciri baka:
 - ☐ Bulu dominan putih
 - ☐ Hidung lurus dan muka berbentuk segitiga
 - ☐ Telinga tegak dan mengarah ke depan
 - ☐ Dwiguna
 - ☐ Titik hitam pada kawasan hidung, telinga dan kelenjar susu
 - ☐ Ekor pendek dan tipis
 - ☐ Ada kekacang pada leher

LAGI TENTANG SAANEN

- Berasal dari Lembah Saanen, bahagian Barat Switzerland
- Kambing ini terlalu sensitif pada cahaya
- Pengeluaran Susu : 3.8 liter/hari
- Berat lahir :
 - Jantan : 3.0 kg
 - Betina : 3.3 kg
- Berat dewasa :
 - Jantan : 68-90 kg
 - Betina : 36-63 kg



BAKA SAANEN



Saanen Di Malaysia



BAKA KAMBING TENUSU

Toggerburg



LAGI TENTANG TOGGENBURG....

- Kambing berasal dari Toggenburg Valley, Switzerland
- Saiz lebih kecil dari Alpine
- Telinga , kaki belakang berwarna putih
- Prestasi paling baik di kawasan beriklim sejuk
- Pengeluaran susu : 3.2 – 3.6 liter /hari



Toggenburg Di Malaysia



ALPINE



LAGI TENTANG ALPINE.....

- Ciri-ciri baka:
 - Dwiguna
 - Telinga sederhana & mengarah ke atas
 - Asal : Pergunungan Alpine, Switzerland
 - Pengeluaran susu : 2.5-3.0 liter / hari



BAKA-BAKA KAMBING TENUSU

JAMNAPARI



Ciri-ciri baka:

- ☐ Dwiguna
- ☐ Muka cembung (Roman Nosed)
- ☐ Telinga panjang dan melampaui kebawah
- ☐ Bulu lebat pada bahagian punggung dan leher

LAGI TENTANG JAMNAPARI

- Berasal dari Wilayah Jamnapari, India
- Paling POPULAR di Asia Tenggara
- Berat kambing pejantan : 90 kg
- Berat kambing betina : 60 kg
- Pengeluaran susu : 235 kg per laktasi (261 hari)
- Sekarang import dari Indonesia (PE)





Kambing Pedaging VS Kambing Tenusu



Fizikal Yang Berbeza



Kambing Pedaging VS Kambing Tenusu

Sistem Pengurusan



Kambing Pedaging VS Kambing Tenusu

Perumahan



Kambing Pedaging VS Kambing Tenusu

- Pengurusan Pemakanan
- Pengurusan Pembiakan
- Pemerahan Susu
- Pemasaran
- Kelengkapan Dan Peralatan

Analisa Komposisi Susu (100 Gm)

Constituents	Unit	<u>Cow</u>	<u>Goat</u>	<u>Sheep</u>	<u>Water buffalo</u>
Water	g	87.8	88.9	83.0	81.1
Protein	g	3.2	3.1	5.4	4.5
Fat	g	3.9	3.5	6.0	8.0
Carbohydrate	g	4.8	4.4	5.1	4.9
Energy	kcal	66	60	95	110
Energy	kJ	275	253	396	463
Sugars (lactose)	g	4.8	4.4	5.1	4.9
Cholesterol	mg	14	10	11	8
Calcium	mg	120	100	170	195
Saturated fatty acids	g	2.4	2.3	3.8	4.2
Monounsaturated fatty acids	g	1.1	0.8	1.5	1.7
Polyunsaturated fatty acids	g	0.1	0.1	0.3	0.2

COMPARISON OF GOAT MEAT TO OTHER MEATS {ROASTED}

3 oz.	Calories	Fat	Sat. Fat	Protein	Iron
Goat	122	2.58	0.79	23	3.2
Beef	245	16	6.8	23	2.9
Pork	310	24	8.7	21	2.7
Lamb	235	16	7.3	22	1.4
Chicken	120	3.5	1.1	21	1.5

Source: Maryland Small Ruminant

Produk Berasaskan Susu Kambing



Produk Berasaskan Susu Kambing



SENARIO PENGELUARAN SUSU KAMBING

- 1st Dairy Goat Conference : 12 April 2012
- **The main conclusions and recommendations from the Conference were:**
- There is huge (largely untapped) demand for goat milk in Asian countries.
- The sale price of goat milk is 2 to 4 times higher than that of cow milk in many Asian countries.
- The goat milk processing industry is not well developed in Asia and there is a need to address this issue through public-private partnerships.

SENARIO PENGELUARAN SUSU KAMBING

- 1st Dairy Goat Conference : 12 April 2012
- **The main conclusions and recommendations from the Conference were:**
- Development of sound and relevant policy options, institutional building and linking farmers to markets should be addressed, leading to both increase in goat milk production and processing of goat milk.
- South-South and North-South collaboration should be promoted in areas that lead to increase in goat milk production and processing.
- The extension work and training of goat farmers should be given high priority

Potensi Penternakan Kambing Tenusu

- Pengeluaran masih rendah dan permintaan tinggi – tempatan dan eksport
- Sokongan dari Dasar Kerajaan
- Pulangan lebih cepat – hasil pelbagai
- Teknologi

Cabaran.....

- Modal Tinggi
- Promosi Yang Betul
- Perlu Ilmu Pengetahuan
 - Perancangan Perniagaan Yang Betul
 - Pengurusan Yang Cekap
 - Susunatur rantaian dari ladang – pengguna yang hygien dan selamat
- Kenaikan Harga Makanan Ternakan

[illegible]

A large stone wall with a sign that reads "AK Farm". The sign is dark with "AK" in red and "Farm" in white. There are green plants in front of the sign. The background shows a grassy field and trees under a blue sky.



Penternak Tenusu Di Malaysia



Penternak Tenusu Di Malaysia



Anglo Nubian Farm



KOPERASI MEMAINKAN PERANAN PENTING.....



Projek Kambing Tenusu Perlukan MODAL Yang Tinggi!!

Indonesia - Koperasi Sae Pujon





Many breeders are now **working together, in cooperatives or associations, to meet large commercial sales contracts.** These contracts supply the meat markets on the east and west coasts of the United States, and require a supply of high numbers of animals, of a consistent quality, on a regular basis. At this time, much of the meat for these contracts is being imported because there just are not enough meat goats in the United States to supply the contracts.

KESIMPULAN

**KAMBING TENUSU MEMPUNYAI POTENSI SEBAGAI
PELUANG
PERNIAGAAN BARU**

- ❖ Dapatkan maklumat yang lengkap
- ❖ Cari pengetahuan dari sumber yang betul
- ❖ Buat perancangan yang rapi
- ❖ Bersatumembina jaringan rangkaian perniagaan

Insyaallah KEJAYAAN milik kita



KERTAS KERJA 4:-

Tajuk : Kisah Kejayaan Dalam Industri Kambing Susu

Tarikh : 17 Disember 2012

Masa : 2.15 petang – 4.30 petang

Pembentang : Puan Hamidah Abdullah,
Usahawan Kambing Susu,
Tenang Agrotech Sdn Bhd

RUMUSAN KAJIAN

Pembentang di awal pembentangannya telah memperkenalkan kambing susu Saanen yang bakanya berasal dari Saanen Valley, Switzerland. Syarikat beliau telah memulakan operasinya pada tahun 2008 dan telah berkecimpung dalam perniagaan pengeluaran kambing tenusu Saanen, kambing pedaging jamnapari, dan lembu tenusu baka Jersey Friesien. Sedikit informasi mengenai kambing tenusu Saanen. Kambing tenusu Saanen dikatakan mempunyai saiz sederhana ke besar mempunyai berat lebih kurang 50-65 kg dan berwarna putih atau krim. Ia mempunyai rangka yang agak besar, senang diuruskan serta kelihatan lembut dengan telinga yang agak tegak. Pengeluaran susu Saanen secara purata mempunyai kandungan lemak terendah dibandingkan dengan lembu tenusu sekitar 2.5%-3%. Kambing Saanen digunakan untuk pengeluaran susu secara komersial.

Perniagaan usahawan dalam penternakan kambing tenusu ini telah dimulakan dengan baka induk 30 ekor dan pejantan 4 ekor. Kambing-kambing tersebut diberikan makanan rumput dan dedak. Kambing Saanen ini memerlukan makanan 4% dari berat badan berasaskan berat kambing. Di samping itu, beliau juga telah berkongsi teknik pemerahan susu kambing menggunakan mobile milking machine. Beliau juga memaparkan data pengeluaran susu kambing yang dijalankan oleh Tenang Agrotech Sdn Bhd dengan pengeluaran harian sebanyak 30 liter sehari. Syarikat beliau memasarkan susu-susu kambing secara runcit dan kepada kedai-kedai berhampiran. Susu kambing dikatakan mempunyai kesihatan yang begitu tinggi dan dikatakan boleh mencegah penyakit kanser. Selain terlibat dalam penternakan kambing tenusu, syarikat beliau juga berkecimpung dalam perniagaan lembu tenusu.

Kambing tenusu juga turut terdedah kepada penyakit-penyakit lazim seperti Penyakit puru, kembung, radang paru-paru, cirit birit serta penyakit lain. Oleh sebab itulah, pembentang menasihatkan agar aspek penjagaan am serta kesihatan kambing perlu dijalankan dengan sempurna bagi mengelakkan risiko-risiko penyakit tersebut. Di akhir pembentangan, beliau juga telah turut berkongsi mengenai penternakan syarikat beliau dalam baka kambing pedaging jamnapari dan lembu tenusu baka jersey friesien.



KAMBING SUSU SAANEN

PENGENALAN

- Berasal dari Saanen Valley, Switzerland.
- Dibawa keluar ke Eropah, Amerika Syarikat dan beberapa negara yang lain.
- Kambing Saanen bersaiz sederhana ke besar mempunyai berat lebih kurang 50-65kg)
- Berwarna putih atau krim.
- Kambing Saanen mempunyai rangka yang agak besar, tetapi kelihatan lembut dengan telinga yang tegak.

KAMBING SAANEN DI TENANG AGROTECH



- Saanen – Kambing susu paling besar serta paling mudah diuruskan (jinak).
- Pengeluar susu terbanyak secara purata dan mempunyai kandungan 'lemak' terendah, 2.5%-3%.
- Purata pengeluaran susu: 3.8L sehari.
- Kambing Saanen digunakan untuk pengeluaran susu secara komersial.

KAMBING TENUSU

JENIS: INTENSIF

BAKA: SAANEN

ASAL: PUKEKOHE, NEW ZEALAND

PEJANTAN: 4 EKOR

INDUK: 30

PEMAKANAN: RUMPUT DAN DEDAK (Soya)



INTENSIF

- Pemakanan : Rumput dan Dedak
- Keperluan makanan 4% dari berat badan berdasarkan berat kambing.
- Rumput Napier dan Guinea : 4-6kg setiap hari
- Dedak : 800gm (Soya)
- Garam Galian : Batu garam.
- Vitamin dan kalsium tambahan.

PEMERAHAN SUSU

PENGGUNAAN MESIN PERAHAN SUSU (MOBILE MILKING MACHINE)



DATA

DATA PENGELUARAN SUSU KAMBING

- Purata pengeluaran : 1.5 -2 liter/ekor
- Pengeluaran harian : 30 liter
- Jualan : RM 3.00 (250ml)- Susu segar.
RM 3.50 (250ml)- Susu yang telah dipastur.
- Pasaran : Secara runcit kepada individu dan kedai-kedai.

KEBAIKAN SUSU KAMBING

Antara manfaat kesihatan:

- Mempunyai kandungan protein yang baik.
- Efek laksatif membantu penghadaman.
- Menambahkan vitaliti dan daya tahan tubuh.
- Menambahbaik reumatik, dan mencegah osteoporosis dan penyakit gigi.
- Mencegah pembiakan sel kanser.

PENYAKIT LAZIM

Antara penyakit lazim ternakan kambing:

- Penyakit Puru (Contagious Ecthyma)
- Kembung
- Radang paru-paru
- Cirit-birit
- Lain-lain penyakit : kudis, buruk kuku, kutu, kurang selera makan, kudis, luka dsbg.

PENJAGAAN AM

Kebersihan kandang:

- Sapu palong dan kebersihan keseluruhan kandang.
- Penggunaan cecair pembasmi kuman di kandang.
- Pengumpulan tinja.
- Penggunaan air "EMAS" untuk tempat pengumpulan tinja.

KESIHATAN AM

Kesihatan ternakan:

- Pantauan am setiap ekor ternakan.
- Penjagaan khas kambing berpenyakit.
- Program vitamin.
- Program vaksin.
- Program pemotongan kuku kambing.

TENANG AGROTECH SDN BHD



PENGENALAN

Tenang Agrotech Sdn Bhd

Syarikat adalah kepunyaan 100% bumiputera.

Modal Dibenarkan : RM 500,000.00

Modal Berbayar : RM 1,000,000.00


Lokasi projek : Kampung Tenang, Sungai Tiram, Johor.

Keluasan tapak projek: 6 Ekar

PERMULAAN PROJEK

- OKTOBER 2008 : KAMBING PEDAGING BAKA JAMNAPARI-BOER (165 EKOR)
- MAY 2009 : LEMBU TENUSU BAKA JERSEY FRIESIEN (25 EKOR LEMBU BUNTING)
- DISEMBER 2010 : KAMBING TENUSU BAKA SAANEN (40 EKOR)

LOKASI PROJEK



BAKA KAMBING PEDAGING JAMNAPARI-BOER



KAMBING JAMNAPARI-BOER



PEMBINAAN BANGSAL LEMBU TENUSU - APR 2009




KEMASUKAN LEMBU JERSEY FRIESIEN
YANG PERTAMA DARI MELBOURNE,
AUSTRALIA – MAY 2009.
(25 EKOR LEMBU BUNTING)



DATA LEMBU TENUSU - MEI 2012

- Lembu perah : 35 ekor
- Lembu (Dry Cow) : 38 ekor
- Anak Lembu >1 Tahun : 18 ekor
- Anak lembu <1 Tahun : 20 ekor
- Purata pengeluaran susu : 7.5 liter/ekor
- Pengeluaran harian : 260 Liter
- Pasaran susu lembu : Koperasi Penternak
Lembu Tenusu Negeri Johor

BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEPT
SUSU (LITER)	6280	6150	6076	5925					





LEMBU BAKA JERSEY-FRIESIEN

KOS INFRASTRUKTUR ASAS

No	Komponen Infrastruktur Asas	Anggaran Kos (RM)
1	Pembukaan Tanah	50,000.00
2	Pembinaan Jalan Utama, Saliran dan pagar	160,000.00
3	Bekalan Elektrik	20,000.00
4	Bekalan Air	30,000.00
5	Kemudahan Telekomunikasi dan penyiaran	10,000.00
	Jumlah Anggaran kos Infrastruktur	270,000.00

KOS PEMBANGUNAN PROJEK

			Anggaran kos pembangunan projek
1	Kandang Kambing	100' x 30'	230,000.00
	Kambing	230 Ekor	100,000.00
	Kandang Lembu	100' x 30'	400,000.00
	Kandang Anak Lembu	90' x 28'	100,000.00
2	Tempat Rawatan Lembu	20' x 20'	130,000.00
	Tempat Barahak		
	Tempat Barahak (Grating Area)		
3	Kolam Ikan dan Kumbahan	30' x 30' x 4	35,000.00
4	Tanaman Rumput	4 ekar	10,000.00
	Store dan office 10x40'	90' x 80'	142,820.00
		90' x 10' x 2	
	Store dan rumah pekerja	100' x 100'	130,000.00
6	Store Pemprosesan makanan lembu	50' x 80'	36,000.00
	Alat-alat Pemprosesan Makanan		20,000.00
7	Mash Rumput		
	Shredder dan lain-lain		
8	Store Pemprosesan Baji + Mash		35,000.00
	ivlar		
9	Infrastruktur	6 ekar	270,000.00
	Jumlah		1,718,820.00

KOS BELANJATAHUNAN

No	Pekara	Jumlah
1	Gaji Pekerja	108,000.00
2	Elektrik & Air	36,000.00
3	Maintenance (Penyelenggaraan)	40,000.00
4	Perubatan (Temakan)	12,600.00
5	Makanan Temakan	120,000.00
	Jumlah	316,600.00

HASIL PENGELUARAN

No	Pekara	Kuantiti	Jumlah
1	Susu Kambing Saanen	10,800 L	172,800.00
2	Susu Lembu (Data 2011)	71,841 L	144,989.00
3	Kambing Pedaging	180 Ekor	117,000.00
		Jumlah	434,789.00

RUMUSAN

- Tenang Agrotech Sdn Bhd telah beroperasi bermula Oktober 2008. Dari permulaan operasi sehingga projek berkembang dari ternakan kambing pedaging, lembu tenusu dan kambing tenusu, Tenang Agrotech Sdn Bhd adalah antara projek yang berada di bawah projek satelit Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- Tenang Agrotech Sdn Bhd juga berdaftar bersama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK Timur).
- Tenang Agrotech telah banyak menerima bantuan dari jabatan-jabatan berkaitan dalam bentuk peralatan, khidmat pemeriksaan kesihatan ternakan didalam dan diluar makmal, khidmat nasihat berkenaan ternakan serta kursus-kursus yang ditawarkan.
- Harapan syarikat adalah untuk terus menjadi sebuah ladang pengeluaran susu segar asli hasil bumiputera sekaligus membantu dalam pengeluaran pemakanan setempat dan negara-amnya.



SESI KETIGA

KERTAS KERJA 5:-

Tajuk : Kajian Kemungkinan Mewujudkan Setiausaha Koperasi Berlesen

Tarikh : 17 Disember 2012

Masa : 8.30 malam – 10.00 malam

Pembentang : 1. Pn. Aishah Ariffin
Pengarah Pusat Perakaunan dan Kewangan
2. Pn Rohalinda Ahad
Pegawai Latihan
Pusat Pentadbiran Perundangan & Kepemimpinan Koperasi

RUMUSAN KAJIAN

Kertas Penyelidikan ini membincangkan mengenai kemungkinan untuk mewujudkan setiausaha berlesen di Koperasi. Kajian ini adalah hasil daripada kajian keberkesanan Dasar Koperasi Negara yang dibuat oleh Tetuan Rosman Consultancy Services yang mencandangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan dan melatih Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB). Pihak SKM seterusnya mempertimbangkan kemungkinan untuk mewujudkan jawatan SKB dengan tujuan untuk membangunkan anggota masyarakat untuk terlibat dalam bidang kesetiausahaan dan juga untuk memenuhi hasrat DKN 2011-2020 ,Teras strategik II bagi meningkatkan keupayaan koperasi.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sama ada SKB perlu diwujudkan untuk menjalankan tugas pentadbiran di koperasi di samping mengenalpasti sekiranya perlu diwujudkan SKB bagi mengambil alih keseluruhan atau sebahagian daripada tugas Setiausaha di koperasi. Disamping itu kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti kemampuan kewangan koperasi untuk melantik SKB dan seterusnya untuk mendapatkan maklum balas tentang penerimaan SKB.

Skop kajian melibatkan koperasi di Malaysia (tidak termasuk koperasi sekolah) mengikut kluster yang ditetapkan oleh SKM iaitu Kluster mikro,kecil, sederhana dan besar. Kajian mendefinisikan SKB sebagai seorang yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dan telah menghadiri program kesetiausahaan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Dapatan daripada kajian yang di buat menunjukkan beberapa cabaran utama setiausaha koperasi antaranya kekangan masa dengan tugas hakiki, elaun yan tidak setimpal dengan bebab kerja Setiausaha , tugasan setiausaha terlalu membebankan dan tiada pengalaman dalam bidang kesetiausahaan . Seterusnya dapatan kajian bagi objektif untuk mengenalpasti SKB perlu diwujudkan untuk menjalankan tugas pentadbiran koperasi menunjukkan bahawa responden berpendapat bahawa secara amnya SKB akan dapat mengurangkan bebanan Setiausaha Koperasi , meningkatkan tahap tadbir urus koperasi dan meningkatkan tahap pematuhan perundangan .

Dapatan kajian bagi objektif seterusnya iaitu mengenai pendapat responden mengenai pewujudan jawatan SKB di Koperasi pula menunjukkan seramai 163 responden setuju supaya diwujudkan SKB dengan SKB mengambil alih sebahagian tugas Setiausaha , dan hanya seramai 27 daripada responden yang bersetuju supaya diwujudkan SKB dengan SKB mengambilalih keseluruhan tugas Setiausaha. Manakala seramai 131 daripada responden tidak bersetuju untuk diwujudkan SKB di koperasi.

Dapatan kajian daripada perbincangan kumpulan fokus pula melihatkan responden bersetuju supaya SKB di wujudkan tetapi koperasi mempunyai pilihan untuk menggunakan perkhidmatannya dan caj yang dikenakan adalah mengikut khidmat yang diberikan. Responden juga berpendapat bahawa satu garis panduan yang jelas tentang tugas SKB dan setiausaha koperasi perlu diwujudkan sekiranya SKB ingin dilaksanakan.

Hasil daripada kajian juga mencadangkan setiausaha koperasi kekal dengan tanggungjawab yang berkaitan dengan hal pentadbiran dalaman koperasi. Selain itu dicadangkan juga supaya satu mekanisme perlu diwujudkan untuk membantu koperasi kecil dan mikro apabila menggunakan perkhidmatan SKB. Pihak SKM juga perlu menyediakan deskripsi tugas antara setiausaha koperasi dan SKB agar tidak berlaku pertindihan tugas. Oleh itu rumusan dari kajian ini mencadangkan penerimaan Setiausaha Koperasi berlesan tetapi dengan hanya mengambil sebahagian daripada tugas setiausaha koperasi.

KAJIAN KEMUNGKINAN MEWUJUDKAN SETIAUSAHA KOPERASI BERLESEN

Setiausaha Koperasi Berlesen



1

Aishah bt. Ariffin
Nasibah bt. Ahmad
Rohalinda bt. Ahad
Nor Arma bt. Abu Talib



LATAR BELAKANG KAJIAN

- Hasil kajian Keberkesanan Dasar Koperasi Negara (DKN) oleh Tetuan Rosman Consultancy Services Sdn. Bhd. mencadangkan supaya pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan dan melatih SKB secara pentadbiran melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- Pihak SKM telah mempertimbangkan cadangan pihak konsultan tersebut dan kajian terperinci untuk mewujudkan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) dibuat oleh Maktab Koperasi Malaysia (MKM) bagi menyokong hasil kajian tersebut.

Setiausaha Koperasi Berlesen

2

SKOP KAJIAN

- o Melibatkan seluruh koperasi di Malaysia, (tidak termasuk koperasi sekolah) mengikut kluster yang ditetapkan oleh SKM iaitu kluster mikro, kecil, sederhana dan besar.

Kluster	Bil. Koperasi
Besar	124
Sederhana	401
Kecil	640
Mikro	4,846
Jumlah	6,011

* Tidak termasuk koperasi sekolah = 2,135

3

SKOP KAJIAN

- o Tumpuan kepada tiga jawatan penting koperasi :



- o Turut terlibat:



4

KEPENTINGAN KAJIAN

- memberi maklumat dalam memenuhi keperluan SKM untuk mendapatkan **gambaran awal** tentang keperluan SKB dan **kemampuan koperasi** sekiranya diwujudkan jawatan ini.
- membantu Maktab Koperasi Malaysia untuk merancang bentuk **latihan** yang diperlukan oleh mereka yang berminat untuk menjadi Setiausaha Koperasi Berlesen serta meningkatkan lagi kualiti tadbir urus koperasi secara profesional.
- Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai **bahan rujukan** dalam bidang pentadbiran koperasi terutama tugas dan tanggungjawab Setiausaha Koperasi.

5

MATLAMAT KAJIAN

- **Objektif Umum**
 - Mengkaji keperluan mewujudkan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) oleh Koperasi

6


OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Khusus

1. Mengenalpasti sama ada Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) perlu diwujudkan untuk menjalankan tugas pentadbiran di koperasi;
2. Mengenalpasti sekiranya perlu diwujudkan SKB, sama ada mengambil alih keseluruhan atau mengambil alih sebahagian tugas Setiausaha Koperasi di koperasi;
3. Mengenalpasti kemampuan kewangan koperasi untuk melantik SKB;
4. Mendapatkan maklum balas tentang penerimaan SKB.

7

KAEDAH PENGUMPULAN DATA



8

PENGENALAN




TUGAS-TUGAS SETIAUSAHA KOPERASI (UUK47(1))

- a) Memanggil dan menghadiri mesyuarat agung, mesyuarat lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
- b) Merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
- c) Menyenggara dan mengemaskini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh lembaga;
- d) Menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
- e) Mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;
- f) Menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan
- g) Menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa

DAPATAN KAJIAN

- Kajian dijalankan kepada semua fungsi koperasi



- Bilangan borang selidik diterima mengikut Kluster koperasi

Kluster	Sampel Koperasi	Borang yang dikembalikan mengikut bilangan koperasi	(%)
Besar + Sederhana	310	118	38%
Kecil + Mikro	377	72	19%


Setiausaha Koperasi Berkeaja

11

DAPATAN KAJIAN

Bilangan Responden Mengikut Jawatan


■ Besar ■ Kecil



Setiausaha Koperasi Berkeaja

12

DAPATAN KAJIAN : TABURAN KEKERAPAN RESPONDEN YANG MENGHADIRI KURSUS DI MKM BERKAITAN PENTADBIRAN KOPERASI



DAPATAN KAJIAN : CABARAN UTAMA SETIAUSAHA MENGIKUT KLUSTER KOPERASI



Cabaran Utama	Koperasi Besar	Koperasi Kecil
Kekangan masa dengan tugas hakiki	56.1%	74.1%
Elaun tidak setimpal dengan beban kerja Setiausaha	30.1%	48.3%
Tugas Setiausaha terlalu membebankan	31.5%	35.4%
Tiada pengalaman dalam bidang tugas Setiausaha	15.0%	58.0%
Tiada pengetahuan dalam bidang tugas Setiausaha	16.4%	51.6%
Banyak terlibat dengan kegiatan kemasyarakatan	21.9%	32.2%
Banyak memegang jawatan ALK di koperasi lain	8.2%	3.2%

Setiausaha Koperasi Berkeaja

DAPATAN KAJIAN : OBJEKTIF 1

Mengenal pasti sama ada Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) perlu diwujudkan untuk menjalankan tugas pentadbiran di koperasi

Setiausaha Koperasi Berlesen

15

DAPATAN KAJIAN : PENDAPAT MEWUJUDKAN SKB



Bil	Pendapat mewujudkan SKB	Min (Setiausaha)	Min (ALK & Pengurus)
1	SKB akan mengurangkan bebanan Setiausaha Koperasi	3.64	3.5
2	Meningkatkan tahap ditadbir urus koperasi	3.74	3.62
3	Setiausaha koperasi boleh memberikan lebih tumpuan kepada penyelesaian kakitangan	3.48	3.49
4	Meningkatkan tahap pematuhan perundangan	3.69	3.72
5	SKB akan memberikan gambaran pentadbiran yang telus kepada anggota	3.40	3.52
6	SKB akan menjadikan jawatan Setiausaha Koperasi tidak penting	3.05	3.03
7	Koperasi tidak mampu menampung kos perkhidmatan SKB	3.69	3.43
8	Koperasi kurang selesa dengan campur tangan pihak luar	3.68	3.45


DAPATAN KAJIAN : OBJEKTIF 2

Mengenal pasti sekiranya perlu diwujudkan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB), sama ada mengambilalih keseluruhan atau sebahagian tugas Setiausaha Koperasi di koperasi

Setiausaha Koperasi Berlesen

17

OBJEKTIF 2 : PEWUJUDAN JAWATAN SKB DI KOPERASI



Setiausaha Koperasi Berlesen

18

DAPATAN KAJIAN : OBJEKTIF 3

Mengenal pasti kemampuan kewangan koperasi untuk Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB)

Setiausaha Koperasi Berlesen

19

DAPATAN KAJIAN : KEMAMPUAN KEWANGAN KOPERASI



- Faktor ➡ untung bersih dan aliran tunai
- Secara keseluruhannya koperasi mengalami keuntungan :
 - **koperasi besar** di antara RM60,000 sehingga RM560 juta
 - **koperasi kecil** adalah di antara RM550 sehingga RM375,000.

Setiausaha Koperasi Berlesen

• Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi

20



DAPATAN KAJIAN : OBJEKTIF 4

Mendapatkan maklum balas tentang penerimaan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB)

Setiausaha Koperasi Berlesen

22

DAPATAN KAJIAN : PEWUJUDAN SKB MENGIKUT KLUSTER KOPERASI



Pewujudan jawatan SKB di Koperasi	Koperasi Besar		Koperasi Kecil	
	S/U	ALK	S/U	ALK
Setuju mewujudkan jawatan SKB dengan mengambil alih keseluruhan tugas setiausaha	6.0%	7.0%	16.1%	10.8%
Setuju mewujudkan jawatan SKB dengan sebahagian tugas setiausaha diambil alih oleh SKB	46.3%	50.0%	45.2%	60.0%
Tidak bersetuju diwujudkan SKB	47.7%	43.0%	38.7%	29.2%

Setiausaha Koperasi Berlesen

23

DAPATAN KAJIAN : PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS



Setiausaha Koperasi Berlesen

24

CADANGAN

Penerimaan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB)

Setiausaha Koperasi Berlesen

25


CADANGAN



Setiausaha Koperasi Berlesen

26





SESI KEEMPAT

KERTAS KERJA 6:-

Tajuk : Kajian Kes : Perniagaan Homestay Oleh Koperasi

Tarikh : 18 Disember 2012

Masa : 8.30 pagi – 9.30 pagi

Pembentang : Dr. Hajah Jamilah Din

Pengarah Pusat Keusahawanan Koperasi & Peruncitan

RUMUSAN KAJIAN

Pembentang kertas kerja ini berkongsi mengenai kajian yang dijalankan terhadap koperasi-koperasi dalam gerakan koperasi Malaysia yang menjalankan perniagaan homestay. Dasar Koperasi Negara (DKN) (2011-2020) telah mensasarkan gerakan koperasi terlibat dalam sektor ekonomi yang bernilai tinggi termasuklah perniagaan homestay. Menurut (World Tourism Organization (WTO),1995), pelancongan adalah melibatkan aktiviti perjalanan dan penginapan seseorang di tempat yang lain dari persekitaran biasa untuk tujuan mengisi masa lapang, perniagaan dan lain-lain. Produk homestay ini mula diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR) dalam tahun 1988. Menurut MOTOUR, pelancongan homestay merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha homestay yang telah berdaftar dengan kementerian ini. Pelancongan homestay juga merupakan satu inisiatif kerajaan untuk memajukan kawasan luar bandar dan diletakkan di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar berasaskan program yang disediakan oleh (United Nations Development Program dan World Tourism Organization) untuk MOTOUR. Keunikan lokasi pelancongan ini boleh dimanfaatkan dan diterokai oleh komuniti setempat untuk kepentingan bersama. Industri pelancongan di Malaysia, digerakkan dalam kategori pelancongan luar bandar (desa), ladang, agro dan eko dengan menjadikan produk homestay atau rumah inap desa sebagai produk utama. Pendapatan pelancongan mensasarkan sumbangan sebanyak RM115 bilion dengan menyediakan 2 juta pekerjaan pada tahun 2015. Pendapatan tertinggi bagi tahun 2010 adalah dari Homestay Miso Walai, Mukim Batu Puteh yang memiliki 19 rumah.

Sesuai dengan karakteristik koperasi sebagai “Social Enterprise”, aktiviti Homestay boleh dijadikan satu perniagaan koperasi yang berpotensi untuk dimajukan bagi mencapai matlamat pembangunan komuniti. Objektif kajian kes yang dijalankan oleh pembentang kertas kerja adalah:-

1. Mengenal pasti ciri-ciri penglibatan anggota koperasi dalam pelancongan homestay
2. Menilai jenis penglibatan anggota koperasi dalam pelancongan homestay
3. Mengenal pasti faktor-faktor kejayaan pelancongan homestay yang mempengaruhi penglibatan anggota koperasi

Fokus Kajian yang telah dijalankan di 5 koperasi yang menjalankan perniagaan homestay adalah:

1. Koperasi Homestay Malaysia Berhad (Homestay Desa Murni), Pahang
2. Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu Berhad (Homestay Kampung Telok Ketapang), Terengganu
3. Koperasi Kampung Melayu Tebakang Serian Berhad, (Homestay Kampung Melayu Tebakang Serian) Sarawak

4. Koperasi Kampung Mongkos Serian Berhad (Homestay Mongkos Serian), Sarawak
5. Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad (Homestay Miso Walai)

Kesimpulan yang dikongsikan oleh pembentang kertas kerja dalam kajian dibuat adalah seperti berikut:

1. Penglibatan koperasi masih baru dalam bidang perniagaan pelancongan homestay.
2. Hasrat kerajaan agar koperasi terlibat dalam sektor pelancongan adalah untuk membantu anggota koperasi menambah pendapatan daripada aktiviti-aktiviti yang wujud dari perniagaan homestay ini bagi meningkatkan sumbangan sektor koperasi kepada pendapatan negara.
3. Seterusnya, melahirkan lebih ramai usahawan desa dalam kalangan anggota koperasi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan homestay.

KAJIAN KES: PERNIAGAAN HOMESTAY OLEH KOPERASI



DR. HJH. JAMILAH DIN
NORHAZILINA ABDUL HALIM
AZMALIZAARIFIN



Perkembangan Industri Pelancongan Negara

- Industri pelancongan di Malaysia merupakan salah satu daripada bidang utama dalam sektor perkhidmatan yang mampu memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- Kerancangan industri pelancongan di Malaysia dapat dilihat menerusi pencapaian pendapatan pelancongan yang telah meletakkan negara Malaysia pada kedudukan 16 berbanding dengan negara luar dan menguasai hampir 2% syer pasaran global pada tahun 2008 (Laporan Ekonomi 2009/2010)

Peranan Kerajaan Membangunkan Industri Pelancongan Negara


- Pendapatan pelancongan mensasarkan sumbangan sebanyak RM115 bilion dengan menyediakan 2 juta pekerjaan pada tahun 2015.
- Dalam bajet 2010, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM889 juta bagi merangsang pembangunan industri pelancongan negara. Di bawah Pakej Rangsangan Kedua (pakej rangsangan RMK 10) pula, sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan bagi menambah baik infrastruktur di lokasi tumpuan pelancong, meningkatkan program *homestay* serta menganjurkan lebih banyak persidangan dan pameran antarabangsa.
- Plan Transformasi Ekonomi (PTE), Kerajaan telah mengumumkan industri pelancongan sebagai salah satu daripada 9 Projek Permulaan (EPP) baru yang membabitkan pelaburan besar oleh Kerajaan

Pelancongan *Homestay* di Malaysia



- **Pelancongan** melibatkan aktiviti perjalanan dan penginapan seseorang di tempat yang lain dari persekitaran biasa untuk tujuan mengisi masa lapang, perniagaan dan lain-lain (*World Tourism Organization* (WTO), 1995).
- **Keunikan lokasi pelancongan** ini boleh dimanfaatkan dan diterokai oleh komuniti setempat untuk kepentingan bersama. Industri pelancongan di Malaysia, digerakkan dalam kategori pelancongan luar bandar (desa), ladang, agro dan eko dengan menjadikan produk *homestay* atau rumah inap desa sebagai produk utama.
- Produk *homestay* ini mula diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR) dalam tahun 1988.

- Menurut MOTOURL, pelancongan *homestay* merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha *homestay* yang telah berdaftar dengan kementerian ini
- Pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka.
- Konsep utama yang ditekankan bagi pelancongan jenis ini adalah berunsurkan pengalaman dan keunikan gaya hidup dengan harga yang kompetitif dan bertaraf antarabangsa.
- Pelancongan *homestay* juga merupakan satu inisiatif kerajaan untuk memajukan kawasan luar bandar dan diletakkan di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar berasaskan program yang disediakan oleh *United Nations Development Program* dan *World Tourism Organization* untuk MOTOURL




Statistik Homestay Sehingga 31 Mac 2011

Bil.	Negeri	Bil. Homestay	Bil. kampung	Bil. Rumah	Bil. Bilik
1.	Perlis	3	3	56	64
2.	Kedah	14	19	296	393
3.	Pulau Pinang	9	9	200	227
4.	Perak	6	30	231	308
5.	Selangor	15	18	458	660
6.	Melaka	7	7	118	176
7.	Negeri Sembilan	8	26	220	343
8.	Johor	15	34	464	609
9.	Kelantan	6	7	133	133
10.	Terengganu	6	6	104	106
11.	Pahang	14	19	249	376
12.	Sarawak	22	24	280	280
13.	Sabah	16	25	194	361
14.	Labuan	3	3	79	97
Jumlah Keseluruhan		144	230	3,082	4,133

Sumber: Unit Homestay, MOTOUR. (Mac 2011)

Penglibatan Gerakan Koperasi Dalam Pelancongan Homestay


- Dasar Koperasi Negara (DKN) (2011-2020) telah mensasarkan gerakan koperasi terlibat dalam sektor ekonomi yang bernilai tinggi.
- Sasaran utama adalah untuk menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5 % menjelang 2013 dan 10% menjelang 2020.
- Sehubungan itu, DKN telah mengenal pasti beberapa bidang keberhasilan aktiviti ekonomi yang berdaya maju untuk diceburi gerakan koperasi di antaranya ialah **perniagaan pelancongan**.






OBJEKTIF KAJIAN

